

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MUKA DUA (PENULARAN COVID-19)

JUMAAT, 10 APRIL 2020 BH

## Muka Dua

## Penularan COVID-19

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Mohd Roji Kawi, Sophia Ahmad, Zanariah Abd Mutalib, Suzalina Halid, Nor Azizah Mokhtar, Luqman Arif Abdul Karim, Ahmad Suhael Adnan, Faris Fuad, Atiqah Sulaiman, Zaid Salim, Mohd Amin Jalil, Ruwaida Md Zain, Amran Yahya dan Adnan Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

# Kajian data ikut lokaliti jangkitan

Pendekatan  
baharu kenal  
pasti lebih  
tepat status  
sesuatu zon

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan menggunakan pendekatan baharu dalam mengkaji data COVID-19, untuk mengenal pasti dengan lebih tepat sesuatu lokaliti jangkitan mengikut zon.

Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Noor Hisham Abdullah, berkata KKM akan melihat data, bukan hanya berdasarkan negeri atau daerah (seperti sekarang), tetapi juga menjurus sehingga ke peringkat mukim dan kampung, bagi mengenal pasti dengan lebih tepat kawasan yang dikategorikan sebagai zon hijau, jingga, atau merah.

"Selama ini kita menggunakan kaedah kiraan kumulatif iaitu daripada kes pertama hingga sekarang mengikut negeri atau daerah masing-masing.

"Jadi kalau kita guna kaedah kumulatif ini, pada satu masa nanti semua akan jadi zon merah," katanya pada sidang media harian COVID-19 di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, mulai sekarang KKM akan melihat data bagi tempoh dua minggu untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai status sesuatu zon.

"Kita sekarang ambil (data) untuk tempoh dua minggu. Kalau dua minggu tidak ada kes baharu di negeri, daerah atau mukim itu, kita akan dapat gambaran lebih tepat sama ada sesuatu zon itu merah atau hijau," katanya ketika diminta mengulas sama ada kelonggaran akan diberi di zon hijau dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sebelum ini, ada cadangan kelonggaran diberi di zon hijau atau kuning kerana tiada kes atau hanya sejumlah kecil jangkitan COVID-19 di zon berkenaan.

Ia bagi membolehkan penduduk dalam zon berkenaan kembali kepada kehidupan asal, di samping terus mematuhi PKP.

Ditanya sama ada PKP Fasa 2 yang berakhir 14 April ini akan disambung, Dr Noor Hisham berkata, pihak akan memaklumkan pandangan KKM kepada Perdana Menteri, pagi ini.

"Satu mesyuarat bagi meneliti unjuran perkembangan kes COVID-19 diadakan pada jam 6 petang ini (semalam) yang turut

membabitkan pelbagai agensi lain seperti Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), selain pakar statistik dan epidemiologi.

"Kita nak lihat unjuran bersandarkan model perkiraan semasa, apa senario yang mungkin berlaku dalam tempoh satu atau dua minggu.

"Kita akan buat unjuran sama ada bakal wujud peningkatan (kes baharu COVID-19) atau tidak, tetapi perkembangan semasa seperti hari ini (semalam) menunjukkan jumlah kes positif antara yang rendah.

"Oleh itu, seperti yang saya sebut sebelum ini, kita ada peluang tipis untuk perbetulkan keadaan, jadi pendekatan kawalan sewajarnya harus dilaksanakan.

"Esok (Hari ini) Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Yassin) akan buat pengumuman (mengenai sama ada PKP dilanjutkan atau sebaliknya)," katanya.

Terdahulu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, dilaporkan berkata kerajaan masih menunggu pandangan dan cadangan KKM sama ada PKP akan dilanjutkan atau sebaliknya.

Berikutan penularan COVID-19, kerajaan sebelum ini mengumumkan fasa pertama PKP berkuat kuasa dari 18 hingga 31 Mac lalu, sebelum melanjutkan perintah berkenaan dua minggu lagi, iaitu dari 1 April hingga 14 April ini.

Berdasarkan graf perkembangan harian COVID-19, Dr Noor Hisham berkata, Malaysia masih dalam kategori 'perjuangan, belum menang atau kalah'.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian menumpukan usaha untuk memantapkan semua 'pertahanan' merangkumi proses saringan dan perkhidmatan hospital di seluruh negara bagi berdepan sebarang kemungkinan.

"Sehingga kini kita ada 71 hospital yang melakukan saringan COVID-19 dan tujuh hospital yang hanya merawat pesakit dijangkiti wabak ini.

"Persediaan rapi harus dilaksanakan kerana kita tidak mahu pandemik COVID-19 ini mencecaus kesesakan di hospital," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian juga akan menggunakan pendekatan baharu untuk melaksanakan Perintah

Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) supaya lebih tertumpu ke lokaliti yang khusus, berbanding kawasan luas.

Katanya, berkata pendekatan bertumpu lebih baik dan berkesan dalam menangani penularan COVID-19, selain pengagihan petugas kesihatan yang mencukupi bagi melakukan saringan secara aktif.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan tiga zon yang dikenakan PKPD, membabitkan kawasan luas iaitu dua kampung di Simpang Renggam, Kluang, Johor dan Batu 21 hingga Batu 24 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor.

Bagaimanapun, 'perintah berkurang' ketiga dan keempat dilakukan dengan lebih tertumpu membabitkan lokaliti Menara City One serta Selangor Mansion dan Malayan Mansion.

Menerusi PKPD yang lebih tertumpu, Dr Noor Hisham berkata, petugas kesihatan berupaya mengenal pasti kontak rapat daripada kes indeks kluster berkaitan.

Katanya, penelitian mendapati penularan COVID-19 mengandungi risiko jangkitan terhadap dua kumpulan utama, iaitu ahli ke-

luarga dan pergaulan di luar rumah.

"Kalau kita boleh kenakan PKPD untuk beri ruang petugas kesihatan saring mereka ini, KKM dapat hentikan penularan mulai dari generasi pertama lagi.

"Langkah proaktif ini berupaya mengengkang penularan selanjutnya dalam komuniti," katanya.


Ditanya sama ada wujud keperluan memindahkan penduduk di Selangor Mansion dan Malayan Mansion kerana terlalu sesak, Dr Noor Hisham berkata tiada asas untuk berbuat demikian buat masa ini.

Sebaliknya, beliau berkata, petugas kesihatan akan terus menjalankan proses saringan di setiap unit kediaman dan penduduk di dua premis bangunan kediaman terbabit sepanjang tempoh PKPD berkuat kuasa.

"Sehingga kini, kita sudah mengesan 15 individu yang disahkan positif COVID-19 dan mereka ditempatkan di wad pengasingan bagi diberikan rawatan.

"Jadi, tiada keperluan untuk memindahkan mereka yang lain, tetapi saringan akan terus dijalankan secara aktif," katanya.

## KES POSITIF MENGIKUT NEGERI (setakat 9/4/2020, 12 tengah hari)



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL (PENULARAN COVID-19)

BH JUMAAT, 10 APRIL 2020

3

## Nasional

## Penularan COVID-19

## Seri Paduka, Permaisuri selesai jalani kuarantin, bebas COVID-19

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, selesai menjalani kuarantin diri selama 14 hari dan disahkan bebas COVID-19.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin, berkata Seri Paduka berdua dan ahli keluarga berada dalam keadaan sihat walafiat dan menzahirkan penghargaan kepada rakyat atas doa dan keprihatinan semua terhadap kesejahteraan dan kesihatan Seri

Paduka sekeluarga.

Seri Paduka berdua dan keluarga menjalani kuarantin diri di Istana Negara seperti dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) susulan pengesahan beberapa kakitangan Istana Negara positif COVID-19 oleh pihak KKM dua minggu lalu.

"Berikutan kes positif itu, sejumlah 116 kakitangan Istana Negara turut diarah oleh KKM menjalani saringan dan kuarantin diri selama 14 hari yang juga berakhir pada hari ini (semalam)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ahmad Fadil berkata, Al-Sultan Abdullah yang amat prihatin ter-

hadap perkembangan terkini wabak COVID-19, mengulangi titah agar rakyat mematuhi semua nasihat dan perintah yang dikeluarkan KKM dan pihak berkuasa, khususnya perintah kuarantin diri dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Seri Paduka turut menzahirkan perasaan amat sedih kerana masih ada rakyat Malaysia yang ingkar PKP atas kepentingan diri sendiri, menyebabkan peningkatan kes COVID-19 positif dan pertambahan kawasan zon merah.

"Marilah kita bersama peranan membantu meratakan lengkungan jangkitan COVID-19 ini de-

ngan terus berada di rumah.

"Jika perlu keluar untuk membeli barang keperluan, pakailah penutup hidung dan mulut serta amalkan penjarakan sosial," katanya.

Ahmad Fadil berkata, Seri Paduka menzahirkan penghargaan dan sanjungan tinggi kepada KKM, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia, khususnya wira dan wirawati barisan hadapan atas ketabahan dan pengorbanan menjalankan tanggungjawab tanpa mengira penat lelah.

Peratusan tinggi pesakit COVID-19 yang pulih dan peratusan kematian di Malaysia yang ren-

dah membuktikan bahawa kerajaan mempunyai tatacara pengendalian pandemik di antara yang terbaik di dunia.

Seri Paduka berdua turut menzahirkan ucapan takziah kepada semua ahli keluarga mangsa COVID-19 dan berharap mereka tabah menghadapi dugaan.

"Seri Paduka baginda berdua turut menzahirkan harapan agar rakyat terus bersama berdoa memohon ihsan Allah SWT semoga Malaysia sentiasa di dalam lindungan dan rahmat-Nya dan pandemik ini diakhiri dengan segera," kata Ahmad Fadil.

BERNAMA

# 69,675 ujian saringan dilaksanakan setakat ini

## Rekod lonjakan kapasiti pengesanan selari matlamat tangani wabak

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan melaksanakan 69,675 ujian saringan COVID-19 dan menjangkakan kemampuan pengesanan itu berupaya ditingkatkan pada masa depan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kapasiti pengesanan wabak itu menerusi makmal di seluruh negara merekodkan peningkatan saban hari.

Beliau menyifatkan rekod lonjakan kapasiti pengesanan itu selari matlamat kerajaan dalam menangani penularan COVID-19.

"Kapasiti harian makmal COVID-19 meningkat dari 4,692 (pada

23 Mac lalu) kepada 10,906 (semalam), justeru kita cuba sehabis baik untuk tingkatkan menjadi 11,500 ujian.

"Bagi memastikan ia berupaya dicapai, kita memerlukan kit pengesanan berteraskan antigen dengan tempoh ujian yang singkat, selain boleh dilakukan di mana-mana saja.

"Jika kita dapat kit pengesanan yang boleh dipercayai dari segi ketepatan, maka ia mungkin penyelesaian ke arah meningkatkan kapasiti pengesanan," katanya dalam sidang media harian COVID-19, di sini.

Sementara itu, dalam perkem-

bangan lain Dr Noor Hisham memaklumkan peratusan kes kematian pesakit COVID-19 di negara ini jauh lebih rendah iaitu sekitar 1.58 peratus berbanding negara lain.

Beliau berkata, peratusan purata negara lain bagi kes kematian membabitkan pesakit COVID-19 ialah sekitar 4.6 peratus atau 5.6 peratus.

"Negara kita kadar kematian adalah rendah (dan ini) menunjukkan perkhidmatan perubatan yang diberikan kepada pesakit terutamanya yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) di tahap baik dan memuaskan.

"Pakar bius kita juga merawat pesakit dengan baik yang secara tidak langsung dapat memberi rawatan yang mantap (Dan ini) dapat memberi kesan kepada semua pesakit di wad dan ICU," katanya.



Dr Noor Hisham pada sidang media harian di Putrajaya, semalam.

(Foto Bernama)

# 416 kes positif jangkitan virus babit warga asing

**Putrajaya:** Sebanyak 416 kes positif COVID-19 di negara ini membabitkan individu bukan warganegara termasuk dua kematian dilaporkan di Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum ini.

Ketua Pengarahnya Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah berkenaan membabitkan individu dari lima negara.

"Lima negara utama ialah 51 kes membabitkan warganegara

Indonesia, 37 kes warganegara India, 31 kes (Myanmar), 29 kes (Pakistan) dan 27 kes (Filipina) dan turut dicatatkan ialah dua kematian individu warganegara Indonesia dan Pakistan.

"KKM bekerjasama rapat dengan pihak Pesuruhjaya Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) bagi memastikan golongan pelarian dan pemohon suaka turut diliputi dalam aktiviti pencegahan serta kawalan dilaksanakan kerajaan.

"Selain itu, KKM juga mendapat

banyak bantuan daripada badan bukan kerajaan (NGO) dan sukarelawan dalam menjalankan aktiviti pengesanan di lapangan dengan pembabitkan anggota pada peringkat Pejabat Kesihatan Daerah.

"Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur saja, seramai 137 orang sukarelawan dari pelbagai sektor menggembleng tenaga bagi bersama-sama menjalankan aktiviti ini," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

4

## Bekas pesakit mahu derma plasma darah perlu jalani saringan

**Putrajaya:** Bekas pesakit COVID-19 yang ingin menderma plasma darah perlu melalui proses saringan dilaksanakan Kementerian Kesihatan (KKM) terlebih dulu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata proses itu dilaksanakan bagi mengenal pasti sebarang penyakit berjangkit.

"Mereka perlu melalui beberapa proses saringan, antaranya saringan penyakit berjangkit dan perlu menghadiri sesi kaunseling yang ditetapkan. Sekiranya setuju, baru kita rujuk mereka kepada Pusat Darah Negara untuk proses menderma darah.

"Untuk menderma pula, ada dua jenis darah iaitu darah merah dan plasma, yang kita inginkan adalah plasma. Darah merah yang diambil itu akan dikembalikan kepada pesakit bagi mengelakkan individu terbabit kekurangan darah," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, setakat ini pihaknya tidak mempunyai jumlah bekas pesakit yang tampil untuk menderma plasma berkenaan kerana prosesnya masih berjalan.

"Bagaimanapun, siapa yang mahu menderma kita galakkan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, buat masa ini pihaknya masih menjalankan penyelidikan berkaitan penggunaan plasma berkenaan termasuk kuantiti plasma segar dan dibekukan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

5

## Nasional



**Dr Adham menerima** sumbangan yang disampaikan Lita di Kementerian Kesihatan Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

### 10 syarikat serah sumbangan

**Putrajaya:** Tabung Sumbangan Perubatan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menangani pandemik COVID-19 di negara ini, semalam menerima sumbangan bernilai lebih RM30.3 juta dalam bentuk wang tunai dan peralatan daripada 10 syarikat.

Sumbangan kepada tabung yang dilancarkan pada 23 Mac itu, disampaikan oleh wakil semua syarikat berkenaan kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, di KKM di sini.

Yayasan Petronas, cabang tanggungjawab sosial korporat Petroliaam Nasional Bhd (PETRONAS), diwakili Ketua Pegawai Eksekutif yayasan itu, Lita Osman, menyumbang wang tunai RM20 juta.

Huawei Technologies Malaysia Sdn Bhd yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Michael Yuan, menyumbangkan keperluan teknologi bernilai RM4 juta.

FWD Takaful Berhad pula menyumbang RM5 juta yang disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif, Salim Majid Zain Abdul Majid.

Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd pula menyampaikan makanan, minuman dan produk penjagaan diri bernilai RM513,000. Sumbangan disampaikan oleh

Pengarah Pemasaran Produk Rumah dan Penjagaan Diri syarikat berkenaan, Vincent Tan.

Cenviro Sdn Bhd yang diwakili Ketua Jabatan Hal Ehwal Korporat, Ismawati Mohd Shah, menyumbang wang tunai berjumlah RM500,000.

Straits Scientific (M) Sdn Bhd yang diwakili Pengurus Jualan, Ng Sau Keet, memberi sumbangan dua unit *blood gas analyser* bernilai RM250,000 untuk ditempatkan di Hospital Sungai Buloh.

Iplus Technologies Sdn Bhd menyumbang *rapid test kit* dari Korea Selatan untuk 160 individu melalui Ketua Pegawai Eksekutifnya, Norhafiz Nordin.

Pecca Leather Sdn Bhd yang diwakili Ketua Pegawai Kewangannya, Foo Kee Nee menyumbang RM61,000, manakala Biolux Network (Asia) Sdn Bhd menyampaikan satu unit *hydrogen fountain machine* bernilai RM11,800 yang disampaikan oleh Pengarah Eksekutifnya, CH Low.

Asianmax Sdn Bhd, dalam pada itu menyumbang 1,128 helai peralatan perlindungan diri (PPE) dan 1,200 unit penutup hidung dan mulut disampaikan Pengarahnya, Soo Sze Ching. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL



*Syarikat Kumpulan Samling* memberikan sumbangan mesin Polymerase Chain Reaction (PCR) dan alatan perubatan lain yang bernilai lebih RM400,000 kepada Hospital Miri, semalam.

## Samling sumbang RM400,000 beli mesin kesan COVID-19

**MIRI:** Syarikat Kumpulan Samling menyumbang mesin Polymerase Chain Reaction (PCR) dan alatan perubatan lain, bernilai lebih RM400,000 kepada Hospital Miri, semalam.

Bantuan itu diserahkan kepada Pengarah Hospital Miri, Dr

Jack Wong, sambil disaksikan Menteri Pengangkutan Sarawak, Datuk Lee Kim Shin, di Wisma Syarikat Kumpulan Samling Miri, semalam.

Sumbangan itu menjadikan Hospital Miri kini dilengkapi dengan mesin PCR bagi menjalani ujian mengesan virus

COVID-19.

Kim Shin berkata, Kumpulan Samling juga menanggung sepenuhnya kos pengubahsuaian makmal Hospital Miri kepada sebuah makmal molecular dengan kapasiti melakukan ujian PCR dan dijangka akan siap dalam masa dua minggu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# Wanita 23 tahun korban termuda di Malaysia

Dua kematian direkodkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 67 kes

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**

Dua kematian kes Covid-19 direkodkan semalam termasuk seorang wanita berusia 23 tahun yang menjadi korban termuda wabak itu di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kematian ialah 67 kes.

"Kes kematian ke-66 melibatkan pesakit kes ke-2,798 yang merupakan lelaki berusia 59 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit autoimun dan beberapa penyakit kronik yang lain.

"Pesakit mempunyai sejarah menghadiri perhimpunan di Sri Petaling.

"Dia telah dirawat di Hospital

Melaka pada 31 Mac dan disahkan meninggal dunia 5 pagi tadi (semalam)," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, kes kematian ke-67 melibatkan kes positif ke-2,864 yang merupakan wanita berumur 23 tahun serta mempunyai penyakit tiroid.

"Dia mempunyai sejarah kontak rapat dengan dua kes positif Covid-19 iaitu kes ke-2,469 dan kes ke-2,470 dan merupakan kes generasi kelima kluster persidangan gereja di Kuching, Sarawak.

"Dia telah dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 30 Mac dan disahkan meninggal 9.42 pagi tadi (semalam)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan merekodkan 121 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj semalam.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak 1,608 kes iaitu 38 peratus daripada



**DR NOOR HISHAM**

jumlah keseluruhan kes," katanya.

Menurutnya, sebanyak 109 kes baharu jangkitan direkodkan semalam sekali gus menjadikan jumlah kumulatif keseluruhan 4,228 kes.

"Ini bermakna, bilangan kes yang discaj hari ini (semalam) juga adalah melebihi bilangan kes baharu yang dilaporkan," ujarnya.

Katanya, seramai 72 kes positif sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Daripada jumlah tersebut, 43 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 50 peratus pesakit di ICU telah pulih sepenuhnya daripada wabak tersebut.

Beliau berkata, kejayaan itu berdasarkan kaedah rawatan semasa dan latar belakang pesakit.

"Antara 40 hingga 50 peratus pesakit di ICU telah pulih dan selebihnya kembali ke wad biasa atau meninggal dunia ketika rawatan," katanya.

## 416 warga asing positif Covid-19

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengesan sebanyak 416 kes positif Covid-19 dalam kalangan warga asing di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu termasuk dua kes kematian yang dilaporkan sebelum ini.

"Daripada jumlah tersebut, 51 kes terdiri daripada warga Indonesia, India (37 kes), Myanmar (31 kes) Pakistan (29 kes) dan Filipina (27 kes)," katanya di sini semalam.

Menurutnya, negara terbabit telah dimaklumkan mengenai perkara tersebut.

"KKM bekerjasama rapat dengan pihak Pesuruhjaya Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) bagi memastikan pemohon suaka politik turut diliputi dalam aktiviti pencegahan dan kawalan yang dilaksanakan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, bekas pesakit Covid-19 digalakkan untuk mender-

ma plasma bagi tujuan penyelidikan terhadap wabak tersebut.

Katanya, ujian saringan akan dilakukan terhadap penderita sebelum prosedur pengambilan plasma dimulakan.

"Kita menggalakkan tetapi mereka perlu lalui proses saringan seperti saringan Covid-19 dan penyakit berjangkit lain," katanya.

Menurutnya, hanya plasma yang diambil daripada penderita dan darah merah akan dipulangkan semula.

"Darah mempunyai dua komponen iaitu darah merah dan plasma.

"Kita perlukan plasma manakala darah merah dipulangkan, jadi penderita tiada rasa kekurangan darah," katanya.

Beliau berkata, plasma tersebut akan dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).


"Jika kepekatan antibodi bekas pesakit itu tinggi, besar kemungkinan kita akan gunakan plasma bekas pesakit itu untuk merawat pesakit lain," kata Dr Noor Hisham.

### SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**

JUMLAH KESELURUHAN: **4,228** | PULIH: **1,608** | ICU: **72** | KEMATIAN: **67**

**JUMLAH KES BAHARU DIPAPORKAN SETIAP HARI**



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada **4,119 kes** kepada **4,228 kes**

INFOGRAFIC SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 2  
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

FRIDAY, APRIL 10, 2020 . NewStraitsTimes

# NST LEADER

## NEWS / Story of the day

REPORTS BY: B. Suresh Ram, Audrey Dermawan, Veena Babutal, Dawn Chan, Adrian David, Hana Naz Harun, Kalbana Perimbanayagam, Esther Landau, Teoh Pei Ying, Rahmat Khairulrjal, Azdee Amir, Meera Murugesan, Hanna Hussein, Nur Zarina Othman, Loong Wai Ting, Dennis Chua, T.N. Alagesh, Olivia Miwil and Farah Solhi

### The new normal

Covid-19 pandemic has changed the rules

**T**HE Covid-19 pandemic is forcing changes in our lives — how we consume, learn, work, socialise and communicate. With confirmed cases at some 1.5 million globally and more countries in lockdown mode, the metamorphosis is disconcerting. The global economy is slowly contracting, world supply chains have been disrupted and productivity is declining. To borrow a phrase, the pandemic is “upending life as we know it”. This is the grim reality that Covid-19 has presented us with.

The world population is now adjusting to the new normal, Malaysia included. One may ask, what is the new normal? Dining out, family gatherings, foreign travel, sports events, major conferences and seminars are a no-no. It's staying at home, practising social distancing, going digital and venturing into e-business or e-commerce — those are the new normal. Work from home, once the privilege of a few, is also being vastly encouraged by most companies as business must “continue as usual” or the absence of activities due to the Movement Control Order (MCO) could result in great losses.

There's less personal contact or face-to-face interaction. Unconsciously, despite the barriers, we are more connected than ever. Sociologists say that if we work remotely more often, then the community or home where we work from becomes more important.

**“...staying at home, practising social distancing, going digital and venturing into e-business or e-commerce — those are the new normal.”**

Since the MCO too, Malaysian businesses have converged on the online marketplace, where off-the-shelf products are available and shoppers can shop to their hearts' content. From the retrenched, food traders and hawkers to the c-suite executives and their subordinates, everyone is innovating to see through this pandemic.

Take the traders at “pasar pagi” or “basah” or the conventional wet market — they are now taking phone orders and have employed runners to deliver the goods. Supermarket and hypermarket operators and sundry shops are also allowing cus-

tomers to shop for groceries online, and Grab, the e-hailing service, delivers them.

That the pandemic is reshaping how businesses are operating is moot. Rules have changed and businesses have to conform to survive or go under. They need to play the game better or play a different game. With the government banning Ramadan bazaars in many areas, traders should seriously start innovating how they want to sell their food and wares online. Perhaps, a drive-through bazaar, much like fast-food McDonald's Drive-Thru? Undoubtedly, it would be a whole new experience for Ramadan shoppers.

This Leader urges business owners to rethink their business models. Naturally, navigating new ways of business operations is daunting and risky, especially for small-time operators, but this change is happening globally. We either ride the wave or sink. The world is changing and so must we. Companies, too, must think along the same lines. They must consider going “virtual” instead of forcing their staff to physically punch into the office every day.

Change requires tough decisions. With the anticipation of a further extension to the MCO, there is no guarantee that things will return to the previous normal.

### HEALTH FACILITIES TO BE IMPROVED

# FIGHT AGAINST COVID-19 FAR FROM OVER, SAYS HEALTH-DG

JP Morgan, WHO, MIER predict a surge in cases in a week's time, says Dr Noor Hisham

PUTRAJAYA

**M**ALAYSIA'S fight against Covid-19 is not over yet, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said yesterday.

“We are still battling this. Our battle is not over yet. We have not won and neither have we lost.”

“Looking at the prediction (of cases) by JP Morgan, the World Health Organisation and Malaysian Institute of Economic Research (MIER), we are expecting a surge in a week's time.”

He said he and his team met yesterday to determine the kind of modelling that can be applied to make a projection for the coming one or two weeks, based on the available data.

“We will advise the prime minister and the cabinet on the next action.”

Dr Noor Hisham said public health services at hospitals, including wards for Covid-19 patients and Intensive Care Units, needed to be improved.

He said plans were underway to boost facilities at 71 screening hospitals, 40 hospitals with the capacity to attend to symptomatic patients and seven hospitals equipped to treat Covid-19 patients.

He said despite the challenges, the ministry had taken proactive measures before Covid-19 was declared a pandemic.

“Our hospitals are congested, but with good planning, we have vacated hospitals (to accommodate Covid-19 patients), equipped seven other hospitals and constructed a makeshift hospital with 600 beds in three days at the Malaysia Agro Exposition Park in Serdang. That (achievement) is a success.”

He said Covid-19 data would be scrutinised during a meeting with MIER, statisticians and epidemiologists.

“We will study the data to see the projection and the trajectory of Covid-19 infections here within the next week or so. By looking into it, we can at least predict whether we will have an exponential surge in cases.”

He said the data included 109 new cases that were recorded yesterday, the lowest number of cases recorded in a day so far.

“We can look into ways to improve our facilities and human resources for the coming weeks. We have done well.”

“We have a small window of opportunity and we want to maximise it. If we can do it right, we could avert an exponential surge in cases that we have seen in other countries.”

Yesterday, a 23-year-old university student from Kota Samarahan, Sarawak, became the youngest Covid-19 patient to die from the infection.

The Universiti Malaysia Sarawak student with a history of thyroid disease was admitted to Sarawak General Hospital's ICU after she experienced breathing



difficulties on March 30.

Dr Noor Hisham said the student was the fifth generation patient from a cluster that involved a gathering at a church in Kuching.

She died at 9.42am yesterday. “She came late for treatment. When she was admitted, her infection had reached category four.”

“The patient needed a ventilator to breathe before she eventually died (from the infection),” he said here.

The student is one of the two Covid-19 fatalities reported to the Health Ministry's National Crisis Preparedness and Response Centre up to noon yesterday, raising the death toll from the deadly virus in the country to 67.

Dr Noor Hisham said the number of patients who had recovered and were discharged from hospitals surpassed the number of new Covid-19 cases.

A total of 121 patients, he said, were given a clean bill of health, bringing the total number of people recovered from Covid-19 to 1,608.

“Up to noon today (yesterday), 109 new cases have been reported to the ministry. This brings the total number of cases to 4,228.”

“Seventy-two cases are being treated at ICUs and 43 of them



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah

NEW STRAITS TIMES


Published by: The New Straits Times Press (M) Bhd,  
 31, Jalan Rieng, 59100 Kuala Lumpur  
 LOKMAN MANSOR Group Editor  
 Tel: 1-300-22-6787 • Fax: 03-2056 7148  
 • Email: news@nstp.com.my • Online: www.nst.com.my

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 3  
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

FRIDAY, APRIL 10, 2020 • NewStraitsTimes

## Story of the day / NEWS

3



A soldier on guard at Jalan Masjid India in Kuala Lumpur yesterday.  
 PIC BY SIZAINI SHAMSUDDIN

### King, queen confirmed free from Covid-19

**KUALA LUMPUR:** Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah and Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah have completed the 14-day self quarantine and were confirmed free from Covid-19.

Comptroller of the Royal Household for Istana Negara Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin said their majesties and members of the royal family were in good health and had expressed appreciation to the people for their prayers and concerns over the safety and wellbeing of the royal family.

The king, queen and members of the royal family have observed self-quarantine at Istana Negara as advised by the Health Ministry after several of the palace staff tested positive for Covid-19 two weeks ago.

"All 116 Istana Negara staff have been instructed by the Health Ministry to be screened for Covid-19 and to self-quarantine for 14 days," he said here yesterday.

Fadil said Al-Sultan Abdullah, who was concerned about the Covid-19 situation, had repeated his advice to the people to adhere to instructions given by the Health Ministry and the authorities, especially with regard to self-quarantine and the Move-

ment Control Order (MCO).

"His majesty expressed his disappointment over the fact that there are people who selfishly refuse to comply with the MCO, hence causing an increase in the number of positive Covid-19 cases and red zones.

"Let's play our roles together by staying at home to flatten the curve of Covid-19 infections. If there is a need to go out, wear a face mask and practise social distancing."

He said Al-Sultan Abdullah conveyed his gratitude and appreciation to the Health Ministry, police and the armed forces, especially frontliners, for their sacrifices and perseverance in discharging their duties.

The high percentage of patients who have recovered from Covid-19 and the low mortality rate in Malaysia proved that the government had some of the best pandemic-handling methods in the world, he said.

"Their majesties extended their condolences to families of Covid-19 victims and hoped that the families will remain strong in facing this difficult time.

"They also expressed hope that Muslims in the country will continue praying for the grace and mercy of Allah so that Malaysia will always be protected and that the pandemic will end soon."

**Bernama**

require breathing assistance."

Of the 4,228 cases, 416 are non-Malaysians. Fifty-three of them are from Indonesia, 37 from India, 31 from Myanmar, 29 from Pakistan and 27 from the Philippines. Two foreigners from Indonesia and Pakistan respectively also died.

Dr Noor Hisham said the Health Ministry would be working with the United Nations High Commissioner for Refugees to ensure that refugees and asylum-seekers were included in the government's Covid-19 tracking and preventive measures.

On red zones and areas where the Enhanced Movement Control Order (EMCO) was enforced, he said it was important to identify hotspots in high-density areas.

"This is to ensure that we can focus our limited resources on those spots."

This approach has been taken in Kuala Lumpur, specifically at Selangor Mansion and Malayan Mansion Flats, which are under the EMCO.

Many of those residing in the two areas are reported to be foreigners. Fifteen of them tested positive for Covid-19.

They have been admitted to hospitals.

### EMCO in Simpang Renggam extended

**KUALA LUMPUR:** The Enhanced Movement Control Order (EMCO) imposed in Simpang Renggam, Johor, which was supposed to end yesterday, has been extended to April 14.

Defence Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yesterday said the Special Cabinet Committee meeting had agreed to extend the EMCO by four more days.

"This is to ensure that all issues are addressed."

The EMCO was enforced in two areas in Simpang Renggam after 61 residents tested positive for Covid-19.

All businesses in the areas have been ordered to close.

Other locations placed under the EMCO include Batu 21 to Batu 23 in Sungai Lui, Hulu Langat in Selangor, as well as Menara City One, Selangor Mansion and Malayan Mansion Flats in Kuala Lumpur.

Affected residents are not al-

lowed to leave the areas and visitors are prohibited from entering them.

Ismail Sabri said those issued a compound for defying the MCO must settle the fine within two weeks.

He said offenders must make the payment at the nearest police station or district health office.

"They are given two weeks to settle the RM1,000 fine. If they fail to do so, they will be hauled to court."

Police on Wednesday began issuing compounds to those who defied the order. Ninety-five compounds have since been issued.

On the extension of the MCO, Ismail Sabri said the decision would be made based on the Health Ministry's advice.

"There is no advice from the Health Ministry yet and we didn't discuss this in our daily special meeting with ministers.



Fire and Rescue Department personnel disinfecting a Covid-19 patient's home in Bandar Baru Ibrahim Majid, Simpang Renggam in Johor on Wednesday. PIC COURTESY OF THE FIRE AND RESCUE DEPARTMENT

"I leave it to the Health Ministry to advise the government. Once it has given its recommendation, the government will proceed with an announcement."

Malaysia is in its second phase of the MCO, which began on April 1. The first phase ran from March 18 to March 31.

Ismail Sabri said up to Wednesday, police had reported that 97 per cent of Malaysians complied with the MCO.

The number of arrests also dropped to 300 on Wednesday from 454 on Tuesday.

He said police, with the help of the armed forces, had set up 769 roadblocks and inspected 433,988 vehicles nationwide.

"From the 300 people detained, 252 were remanded and 88 were granted bail.

"Yesterday (Wednesday), 518 people were charged in court. To date, the total number of people who flouted the MCO is 7,205."

He reminded the public to practise social distancing and adhere to the government's instructions during the MCO period.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

# Fatality rate stands at 1.58%

## 'It is low by comparison to many other countries'

By JOSEPH KAOS Jr  
and ASHLEY TANG  
newsdesk@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia's Covid-19 fatality rate is at 1.58%, which is lower than the average of 4% to 5% in many other countries.

Furthermore, about 40% to 50% of Covid-19 patients treated in intensive care units (ICUs) have recovered from the disease, says Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

He commended the ministry's doctors and specialists and credited their work in keeping the country's Covid-19 death rate low.

"This shows that the medical service provided at our wards and ICUs are at a top and satisfactory level.

"Our specialists, our intensivists have given the best treatment to our patients.

"I would like to congratulate them for providing such top-notch service to our Covid-19 patients," said Dr

Noor Hisham at the ministry's daily Covid-19 media briefing here.

He said 5% of all Covid-19 patients had been admitted to ICU, with at least 30% of them requiring the aid of ventilators.

"At least 40% to 50% of our patients who were in ICU have recovered," he said.

Currently, Malaysia's Covid-19 death toll is at 67 cases.

Yesterday, Dr Noor Hisham announced that a 23-year-old woman from Kuching is the youngest Covid-19 patient to succumb to the virus in the country.

"She had a history of thyroid illness. She had a history of close contacts with two positive Covid-19 patients and was the fifth generation cluster of a church gathering in Kuching," he said.

Dr Noor Hisham noted that the woman had sought treatment at a late stage.

"Most of the cases, 88% of them, come in category one and two but

this patient came to the hospital when she was in category four.

(Covid-19 patients are categorised based on the severity of their symptoms, with those in category four and five considered to be severe.)

"She needed oxygenation and eventually ventilation. The patient finally succumbed to the illness," Dr Noor Hisham said.

The woman was admitted to the Sarawak General Hospital on March 30 and died yesterday at 9.42am.

Dr Noor Hisham also announced 109 new Covid-19 cases and 121 more recoveries from the disease in the country yesterday.

So far, 1,608 patients have recovered from Covid-19 since the outbreak began in Malaysia.

The rate of Covid-19 recovery in Malaysia is 38% out of the total number of positive cases.

Currently, 72 patients are in the ICU, with 43 of them requiring ventilators.

On whether the movement con-

trol order (MCO) would be extended, Dr Noor Hisham said the ministry would meet Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin to present its analysis of the country's Covid-19 data this morning.

"We will come up with a projection and see if there will be a spike of new Covid-19 cases or not in the coming weeks.

"There is a small window of opportunity for us. If we do it right, we can prevent an exponential rise," said Dr Noor Hisham.

The MCO is scheduled to end on April 14.

It is currently in its second phase after the government extended its initial end-date of March 31 by two weeks.

Watch the video  
[thestartv.com](https://www.thestartv.com)

